

**Rasionalisme** adalah fahaman yang menganggap akal, dan bukannya deria, sebagai sumber ilmu yang sah dan boleh dipercayai. Fahaman ini tidak menolak peranan deria dan pengalaman di dalam pencapaian ilmu, tetapi menganggapnya kurang meyakinkan dan terdedah kepada kepalsuan. Mithalnya sesuatu itu kelihatan lain dari keadaan yang sebenarnya. Maka di sini pemikiran melalui akal yang rasional diperlukan untuk mencapai kebenaran mengenai sesuatu perkara itu.

Selain dari itu golongan Rasionalis juga menganggap bahawa akal sudah pun dibekalkan dengan ilmu, sebelum deria menimba pengalaman dari alam nyata. Ilmu ini dikatakan bersifat *a priori* (iaitu tanpa pengalaman) atau *innate* (terpendam). Ilmu ini tidak semestinya wujud secara sadar (*conscious*), tetapi menjadi latarbelakang atau tulangbelakang pemikiran yang perlu, bagi mengatur pengalaman dan mencapai ilmu. Contohnya adalah konsep benda dan konsep sebab dan akibat.

Dari segi justifikasi atau pengwajaran, pihak Rasionalis juga menganggap bahawa sesuatu ilmu itu hanya boleh mencapai taraf kesahihan melalui kriteria rasionalis; iaitu dengan penggunaan bukti dan hujah yang rasional atau logikal.

**Empirisisme** adalah fahaman yang menganggap bahawa ilmu berpunca dari pengalaman yang diperolehi melalui deria. Ilmu juga diberi pengwajaran atau justifikasi dengan merujuk kepada bukti dari pengalaman deria. Jadi, dari kedua-dua segi, iaitu dari segi sumber ilmu, dan juga dari segi menentukan kesahihan ilmu, pengalaman dari deria memainkan peranan yang penting di dalam fahaman empirisisme.

Tugas epistemologi golongan empirisis ialah untuk memberikan satu penjelasan tentang bagaimana ilmu, khususnya ilmu yang bercorak canggih dan menyeluruh, boleh terbit dari pengalaman yang diperolehi melalui deria. Tokoh empirisis seperti John Locke dan David Hume pada abad ke 18, telah memberikan teori mereka tentang bagaimana ilmu terbentuk dari pengalaman deria. Bagi mereka, manusia bermula dengan minda yang kosong (*tabula rasa*), dan dari pemerhatiannya terhadap alam, membina ide dan ilmu yang kompleks mengikut prinsip-prinsip yang tertentu. Penghuraian ini sebenarnya melibatkan dua aspek atau perkara yang berlainan; (i) gambaran tentang kemunculan atau proses pembentukan ilmu, (ii) tentang kesahihan ilmu yang terbit melalui proses tersebut.

Kedua-dua aspek ini mempunyai masalahnya yang tersendiri. Yang pertama melibatkan masalah tentang ketepatan perwakilan realiti oleh pengalaman deria (*sense-experience*). Iaitu, bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa apa yang kita kenali melalui deria adalah bersamaan dengan objek atau perkara yang diwakilinya? Di sini kita perlu membezakan di antara persepsi kita tentang sesuatu dan hakikat sesuatu itu, atau di dalam Bahasa Inggerisnya, di antara *appearance* dan *reality*. Sekiranya maklumat yang kita perolehi dari deria adalah berbeza dari hakikat yang sebenarnya, maka ini bermakna bahawa asas ilmu yang didirikan adalah palsu dan tidak boleh diterima. Walaupun sekiranya masalah pertama ini dapat diatasi, kita masih dihadapkan dengan masalah kedua. Iaitu, apakah jaminannya bahawa ilmu yang terbit melalui proses yang dinyatakan oleh pihak empirisis, berjaya memberikan kita ilmu yang benar? Walaupun gambaran psikologinya benar, ini tidak bererti bahawa logiknya, dan dengan itu justifikasinya, boleh diterima. Ini jelas kelihatan di dalam pemikiran David Hume sendiri, apabila beliau mengkaji ilmu yang diperolehi melalui prinsip sebab dan akibat. Pada umumnya masalah induksi perlu dihadapi oleh golongan empirisis yang mahu mewajarkan perolehan ilmu yang bersifat universal dari data pengalaman yang bersifat khusus.